

05/01/2005

MLVK laksana promosi bersepadu pikat pelatih baru

By Syuhada Choo Abdullah

PROGRAM kemahiran Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) akan disuntik imej baru tahun ini dengan melaksanakan promosi secara bersepadu peringkat negeri dan kebangsaan untuk menarik semula minat serta keyakinan orang ramai menyertai kursus berkenaan.

Pengerusi Penaja Persatuan Pusat-pusat Bertauliah MLVK Swasta Malaysia, Nordin Abdul Malek, berkata usaha itu akan dijalankan secara bersiri selewat-lewatnya bulan depan demi `survival' kira-kira 200 pusat bertauliah seluruh negara selepas terjejas berikutan pelbagai kemelut, terutama isu pembiayaan pelatih, sepanjang tahun lalu.

Melalui promosi itu nanti, beliau berkata, kesedaran masyarakat terhadap kepentingan serta ketinggian nilai program MLVK akan dapat ditingkatkan, sekali gus mengikis tanggapan negatif bahawa kursus kemahiran berkenaan bertaraf kelas kedua dan menjadi pilihan terakhir.

Malah katanya, Kementerian Sumber Manusia menyambut baik serta memberi sokongan penuh terhadap cadangan menaikkan imej program MLVK itu, antara lain melalui pelaksanaan pendekatan latihan lebih baik serta peningkatan peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi dan pasaran kerjaya dalam industri.

Selain itu, beliau berkata, kenaikan taraf latihan kemahiran kepada tahap tiga, empat (setaraf diploma) dan lima (setaraf diploma lanjutan) serta penawaran kursus baru, di samping keputusan Dewan Rakyat, baru-baru ini, meluluskan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran memberi pinjaman kepada pelatih, akan menggalakkan lebih ramai lagi memasuki program MLVK.

"Justeru, rancangan mempromosi program MLVK bermula peringkat kebangsaan akan diadakan secepat mungkin. Timbalan Perdana Menteri dicadang dijemput bagi merasmikan majlis berkenaan yang dijadualkan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

"Pada majlis itu juga, mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, akan diberi penghormatan sebagai tokoh latihan kemahiran negara dengan menganugerahkannya Tangan Emas Perdana.

"Program promosi ini akan diteruskan ke peringkat negeri melalui zon utara, selatan dan timur dengan pelbagai aktiviti seperti pameran, sesi bimbingan dan penerangan, merekrut pelatih baru serta seminar kerjaya," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Sejak permohonan pinjaman baru Tabung Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia dibekukan mulai Mac 2003 hingga akhir tahun lalu, Nordin berkata, bilangan pelatih mengikuti program MLVK di pusat bertauliah swasta seluruh negara mengalami kemerosotan ketara.

Sehubungan itu katanya, selain promosi dalam negara, persatuan berkenaan turut mengalu-alukan usaha Kementerian Sumber Manusia mengambil inisiatif memperluaskan langkah sama ke peringkat antarabangsa.

"Sebenarnya usaha pengambilan pelatih asing sudah pun dimulakan pusat bertauliah tetapi beberapa dasar negara perlu diperjelaskan terlebih dulu, terutama dari segi syarat dan peraturan Kementerian Dalam Negeri berhubung perkara berkenaan.

"Justeru pada peringkat kementerian, perlu ada jabatan khas yang memberi tumpuan terhadap usaha ini. Persatuan juga memohon Kementerian Sumber Manusia menyediakan segera garis panduan pengambilan pelatih MLVK dari luar negara dan mengusahakan supaya pusat bertauliah dapat mengambil bahagian dalam misi perdagangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Negara (Matrade)," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Nordin berkata, sebilangan pengusaha pusat bertauliah sudah mula mengambil inisiatif bergabung berasaskan pendekatan persefahaman bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan program MLVK, yang secara langsung mengoptimumkan aspek pengurusan, logistik serta pemasaran.

"Konsep ini membolehkan mereka menawarkan latihan dan kemudahan bertaraf antarabangsa. Persatuan memohon Kementerian Sumber Manusia supaya menyokong serta menggalakkan usaha seumpama ini dengan menyediakan insentif seperti keutamaan pembiayaan latihan, khidmat nasihat kepakaran dan kontrak latihan jangka panjang," katanya.

(END)